

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Dua

Ministri Hana

Bacaan Bible: 1 Sam. 1:1—2:11, 18-21, 26

- I. Kita perlu menyedari apa itu pemulihan Tuan; pemulihan Tuan adalah untuk membina Zion, yang mentamsilkan pejayeng sebagai realiti Tubuh Kristus untuk mengkonsumasikan kota kudus, Yerusalem Baru:**
- A. Zion ialah kota Raja Daud (2 Sam. 5:7), pusat kota Yerusalem, tempat terbinanya bait sebagai tempat huni Tuhan di bumi (Mzm. 48:2; 9:11; 74:2; 76:2b; 135:21; Yes. 8:18).
 - B. Dalam Wasiat Lama, terdapatnya kota Yerusalem dengan Zion sebagai pusat; dari segi tipologi, kehidupan gereja ialah Yerusalem hari ini; dalam kehidupan gereja seharusnya ada sekumpulan pejayeng, yang merupakan Tuhan-manusia yang disempurnakan dan matang, dan para pejayeng ini ialah Zion hari ini—bd. Wahi 14:1-5.
 - C. Sebagai kemuncak dan keindahan kota kudus, Yerusalem (Mzm. 48:2; 50:2), Zion mentamsilkan pejayeng sebagai puncak tinggi, pusat, perjunjungan, penguatan, pengayaan, keindahan, dan realiti gereja (48:2, 11-12; 20:2; 53:6a; 87:2).
 - D. Ciri-ciri, hayat, berkat, dan penubuhan Yerusalem berasal dari Zion—1 Raj. 8:1; Mzm. 51:18; 102:21; 128:5; 135:21; Yes. 41:27; Yoel 3:17.
 - E. Para pejayeng sebagai Zion ialah realiti Tubuh Kristus dan mereka mengkonsumasikan pembinaan Tubuh dalam gereja-gereja lokal untuk membawa masuk kota kudus yang terkonsumsi, iaitu Yerusalem Baru, yakni Tempat Maha Kudus yang muktamad sebagai tempat huni Tuhan dalam keabadian (Wahi 21:16; bd. Kel. 26:2-8; 1 Raj. 6:20); dalam langit baru dan bumi baru, seluruh Yerusalem Baru akan menjadi Zion, dan semua percayawan ialah pejayeng (Wahi 21:1-3, 7, 16, 22).
 - F. Dalam buku Wahi, apa yang dikehendaki Tuan dan apa yang akan dibina Tuan ialah Zion, para pejayeng; inilah realiti intrinsik bagi wahi rohani dalam Sabda kudus Tuhan; kita tentunya perlu terdesak untuk berdoa biar dengan apa jua harga pun dan membayar harga sama seperti dutus Paulus—Ef. 6:17-18; Kol. 4:2; Flp. 3:8-14.
 - G. Semasa Tuan memanggil pejayeng pada zaman ini, kita harus memberi respons dengan menjadi penuh vital; menjadi penuh vital bererti menjadi hidup dan aktif dalam kesatuan dengan Tuhan kita yang hidup dan sentiasa bertindak; pergerakan Tuhan di atas bumi demi penyempurnaan ekonomi abadi-Nya akhirnya adalah menerusi para pejayeng.
 - H. Di bumi yang dirampas ini terdapat gunung Yehova, iaitu Gunung Zion, yang sama sekali terbuka kepada Tuan dan dimiliki-Nya sepenuhnya; para pejayeng, yang ditamsilkan oleh Zion, ialah tumpuan pantai yang menerusinya Tuan sebagai Raja kemuliaan akan kembali untuk memperoleh seluruh bumi sebagai kingdom-Nya—Mzm. 24:1-3, 7-10; Dan. 2:34-35; 7:13-14; Yoel 3:11; Wahi 11:15; 19:13-14.
 - I. Selain berdoa, tidak ada jalan lain untuk mencapai puncak tinggi ekonomi abadi Tuhan, iaitu realiti Tubuh Kristus; dengan menjadi pejayeng yang merupakan realiti Tubuh Kristus untuk menjadi pengantin Kristus, kita akan menamatkan zaman ini, iaitu zaman gereja, dan akan membawa Kristus sebagai Raja kemuliaan kembali untuk mengambil, memperoleh, dan memerintah atas bumi ini bersama dengan para pejayeng pada zaman kingdom—ay. 7-9; 20:4-6; Mzm. 24:7-10.

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Dua (sambungan)

II. Dari segi tipologi, buku pertama Samuel menunjukkan kepada kita Kristus dibawa masuk sebagai Raja (ditamsilkan oleh Daud) berserta kingdom-Nya:

- A. Di bawah Eli, kehentaran Harun yang lama menjadi lapuk dan merosot (2:12-29), dan Tuhan hendak memperoleh satu permulaan baru untuk menyempurnakan ekonomi abadi-Nya:
1. Isi kandungan buku Hakim-hakim termasuk bani Israel yakin kepada Tuhan, meninggalkan Tuhan, ditewaskan oleh musuh mereka, dan bertaubat kepada Tuhan dalam kesengsaraan mereka; apabila mereka berpaling kepada Tuhan, Dia membangkitkan seorang hakim yang menyelamatkan mereka daripada tangan penindas mereka, namun setelah hakim mati, mereka kembali ke jalan mereka yang jahat dan menjadi korup semula (1:1-2; 2:11—3:11); ini menjadi satu kitaran yang berulang sebanyak tujuh kali dalam Hakim-hakim.
 2. Selama banyak tahun, gereja telah mengulangi sejarah Israel di bawah hakim-hakim, tetapi hari ini Tuhan mahukan para Samuel, iaitu orang Nazir yang jayeng (Bil. 6:1-9 dan nota kaki), yang akan membawa masuk Kristus, iaitu Daud sejati, sebagai Raja yang memerintah berserta kingdom-Nya selama seribu tahun; dalamnya para pejayeng akan “bersinar seperti matahari dalam kingdom Bapa mereka” (Mat. 13:43).
 3. Hari ini, kita perlu mengharapkan Tuhan untuk sesuatu yang baru, iaitu satu kepulihbangkitan baru yang akan mengalihkan zaman ini daripada zaman gereja di tengah-tengah porak-peranda kesyaitanan kepada zaman Raja berserta kingdom-Nya selama seribu tahun.
- B. Demi kelahiran Samuel, Tuhan memulakan sesuatu di sebalik tabir; dari satu segi, Dia menutup rahim Hana; dari segi lain, Dia menyediakan Penina untuk menyakitkan hati Hana “dengan sepedihnya untuk membangkitkan amarahnya kerana Yehova telah menutup rahimnya” (1 Sam. 1:5-6); tahun demi tahun, apabila Hana naik ke rumah Yehova, Penina menyakitkan hatinya sehinggakan dia menangis dan enggan makan (ay. 7).
- C. Ini memaksa Hana berdoa agar Tuhan memberi dia seorang anak lelaki; Hana bernazar kepada Tuhan dalam doanya; doa ini bukan dimulakan oleh Hana tetapi oleh Tuhan; doa dan janji Hana diperkenan Tuhan, maka Tuhan membuka rahimnya (ay. 10-11, 20); Hana hamil, melahirkan seorang anak, dan dia menamainya Samuel (bermakna “didengar Tuhan”, atau “dimohon daripada Tuhan”).
- D. Tuhan dapat menggerakkan Hana, seorang yang bersatu dengan-Nya dalam garis hayat; garis hayat ialah garis yang menghasilkan Kristus untuk kenikmatan umat Tuhan, agar Tuhan dapat memperoleh kingdom-Nya di bumi, iaitu gereja yang merupakan Tubuh Kristus (Mat. 16:18-19; Roma 14:17-18; Ef. 1:22-23), organisma Tuhan Tritunggal; asalkan Tuhan dapat memperoleh orang sedemikian yang bersatu dengan-Nya dalam garis hayat, Dia mempunyai jalan di bumi ini (1 Sam. 1:1—2:11, 18-21, 26).
- E. Asal Samuel sebenarnya bukan daripada manusia; Tuhanlah asalnya yang sebenar, yang menggerakkan umat-Nya menurut ketentuan-Nya dan secara tersembunyi; doa Hana merupakan sejenis sahutan, luahan, terhadap hasrat hati Tuhan; doanya merupakan kerjasama manusia dengan pergerakan Tuhan untuk melaksanakan ekonomi abadi Tuhan:
1. Doa Hana menunjukkan bahawa pergerakan Tuhan dan kemakbulan-Nya terhadap doa Hana menghasilkan seorang Nazir, seorang pejayeng, yang bersikap mutlak untuk menggenapkan hasrat Tuhan—1:10-20.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Dua (sambungan)

2. Orang Nazir ialah orang yang mempersembahkan diri secara mutlak kepada Tuhan, orang yang mengambil Tuhan sebagai Raja, Tuan, Kepala, dan Suami, dan orang yang tidak berminat dengan kenikmatan terhadap keseronokan duniawi; bahkan sebelum Samuel dilahirkan, dia telah dipersembahkan oleh ibunya untuk menjadi orang sedemikian.

III. **Buku pertama Samuel mewakili suatu ministri yang membawa masuk Raja berserta kingdom-Nya; kita boleh memanggil ini sebagai “ministri Hana”:**

- A. Penina dan Hana mewakili dua prinsip yang berbeza pada asasnya dan dua ministri yang berbeza pada asasnya (1:2, 4, 7); ministri Hana semata-mata adalah untuk membawa masuk Raja, bukan untuk mendapatkan banyak anak; ministri Penina pula adalah untuk mendapatkan banyak anak, iaitu suatu ministri yang mempunyai banyak hasil; Penina dan anak-anaknya mewakili majoriti umat Tuhan, tetapi tidak ada satu pun daripada mereka yang ada kena-mengena dengan pengalihan zaman untuk membawa Kristus kembali sebagai Raja kemuliaan (Mzm. 24:1-3, 7-10).
- B. Jalan Hana bukan jalan yang mudah, malah jalan ini menjadi semakin sukar disebabkan perbandingan dan cemuhan daripada Penina; orang yang ingin menjadi Hana haruslah bersiap sedia untuk menghadapi penindasan, cemuhan, tangisan, dan puasa.
- C. Ini bukan sekadar soal kita dapat menyelamatkan berapa banyak orang tetapi soal Tuhan ingin memperoleh sekumpulan pejayeng-Nya; Tuhan ingin memperoleh sekumpulan orang yang dapat berdoa dan membawa masuk kingdom berserta Kristus sebagai Raja dan para pejayeng-Nya sebagai raja bersama dengan-Nya.
- D. Doa Hana ialah sarana untuk kelahiran Samuel; doa kita harus membawa satu hasil, yakni menghasilkan pejayeng; kita perlu berdoa dalam kesatuan dengan Kristus yang naik ke syurga dalam ministri-Nya di syurga dalam tahap intensifikasi untuk menghasilkan pejayeng—Wahi 1:4; 3:1; 4:5; 5:6; 2:7, 11, 17, 26-29; 3:5-6, 12-13, 21-22.
- E. Hana sudah sampai ke tahap dia tidak dapat maju lagi jika tidak mempunyai anak; dia sudah sampai ke tahap dia mesti mempunyai seorang anak; anak dalam 1 Samuel bab 1 mentamsilkan anak lelaki korporat yang jayeng dalam Wahi 12, iaitu orang yang mengalihkan zaman untuk membawa masuk Raja berserta kingdom-Nya:
 1. Pergerakan kala zaman Tuhan yang paling penting diperlihatkan pada anak lelaki dalam Wahi 12; anak lelaki ini terdiri daripada Kristus sebagai Pejayeng yang memimpin dan kita sebagai pejayeng yang mengikut; oleh sebab Tuhan hendak mengakhiri zaman ini dan membawa masuk zaman Raja berserta kingdom-Nya, maka Dia memerlukan anak lelaki korporat yang jayeng sebagai sarana kala zaman-Nya.
 2. Kerapturan anak lelaki mengakhiri zaman gereja dan membawa masuk zaman kingdom; selepas kerapturan ini terdapatnya “suara yang kuat di langit, berkata, Sekarang sudah tiba penyelamatan dan kudrat dan kingdom Tuhan kita dan kuasa Kristus-Nya”—ay. 10.

IV. **Pengalaman Hana menunjukkan bahawa kita perlu mencurahkan sukma kita di hadapan Tuan di tengah-tengah kepedihan kita (1 Sam. 1:6, 10, 15-16); dalam Keluaran 15, bani Israel tiba di air pahit Mara; apabila umat itu bersungut-sungut terhadap Musa, dia “berseru kepada Yehova, dan Yehova menunjukkan sebatang pohon kepadanya, dan dia mencampakkannya ke dalam air, lalu air itu menjadi manis” (ay. 22-25):**

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Dua (sambungan)

- A. Pohon yang ditunjukkan Tuan kepada Musa menandakan pohon hayat; Wahi 2:7 berbicara tentang “pohon hayat”; dalam bahasa Yunani, perkataan untuk *pohon* di sini merupakan kata yang sama yang digunakan untuk *batang kayu* dalam 1 Petrus 2:24:
1. Pohon hayat dalam Wahi 2:7 menandakan Kristus yang disalibkan (diimplikasikan dalam pohon itu sebagai sebatang kayu—1 Ptr. 2:24) dan dibangkitkan (diimplikasikan dalam hayat Tuhan—Yoh. 11:25); oleh itu, kita boleh mengatakan bahawa pohon yang dicampakkan oleh Musa ke dalam air pahit ialah Kristus yang tersalib dan bangkit sebagai pohon hayat.
 2. Apabila kita berseru kepada Tuan dalam doa, Dia menunjukkan kepada kita suatu visi, iaitu Kristus yang tersalib dan bangkit sebagai pohon hayat; menerusi doa kita yang mencurahkan sukma kita di hadapan Tuan, kita mencampakkan pohon ini ke dalam air pahit diri kita; dengan demikian, air pahit ini berubah menjadi air manis hadirat-Nya.
- B. Doa Hana keluar daripada keadaannya yang pahit dan dirinya yang pedih (1 Sam. 1:6, 10); dia memberitahu Eli, “Aku perempuan yang tertekan dalam roh...Aku sedang mencurahkan sukma di hadapan Yehova...Daripada banyak kekhuatiran dan kesakitan hatiku, aku berkata-kata sepanjang masa ini” (ay. 15-16); Mazmur 62:8 berkata, “Yakinlah kepada-Nya sepanjang masa, O umat; / Curahkanlah isi hatimu di hadapan-Nya; / Tuhan tempat perlindungan kita. Sela”; doa sebegini yang menghubungkan Tuhan terdiri daripada kata-kata yang dibicarakan secara ikhlas daripada hati.
- C. Setiap kali kita berada dalam keadaan pahit dan diri kita berasa pedih, kita harus mencurahkan sukma kita berserta hati kita kepada Tuan dengan bersikap benar dan jujur terhadap-Nya; doa sedemikian menghasilkan pejayeng, yang akan membawa masuk Raja berserta kingdom.
- D. Apabila kita tiba di “air pahit”, kita harus sedar bahawa Tuhan menurut ketentuan-Nya dan secara tersembunyi sedang menggerakkan kita untuk berdoa secara terdesak, bukan sahaja untuk menyembuhkan kita secara dalaman (Kel. 15:26), malah untuk menghasilkan orang Nazir yang jayeng, yang akan bekerjasama dengan-Nya bagi membawa masuk Raja berserta kingdom-Nya—pada masa itu, nama Tuhan akan menjadi unggul di seluruh bumi (Mzm. 8:1), dan kingdom dunia akan “menjadi kingdom Tuan kita dan Kristus-Nya, dan Dia akan meraja buat selama-lamanya” (Wahi 11:15).